

Kuasa pindah ke Asia Timur

UM 29 JUL 2005

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 28 Julai – Tun Dr. Mahathir Mohamad menjangka akan berlaku perpindahan kuasa dari Amerika Utara dan Eropah ke Asia Timur dengan kebangkitan beberapa negara Asia seperti China, Korea Selatan dan India.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, keadaan ini berlaku dalam tempoh 50 tahun akan datang kerana Asia Timur mempunyai asas penduduk yang besar terdiri daripada mereka yang kuat bekerja, cerdik, berdedikasi serta bersedia untuk bergerak ke hadapan.

“Pengalaman Jepun dan Korea Selatan untuk membangunkan ekonomi masing-masing kini telah berpindah kepada China dan India.

“Salah satu kuasa besar di Asia Timur ialah China kerana ia mempunyai jumlah penduduk yang tertinggi mencecah 1.3 bilion orang cerdik, kuat bekerja dan amat berkebolehan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

menyampaikan ucapan bertajuk *Malaysia di Asia – Cabaran, Tindakan Balas dan Peluang* pada Sesi Khas dan Makan Tengah Hari Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Ketiga anjuran Institut Strategik dan Kepimpinan Asia di sini hari ini.

Katanya, China akan menjadi salah sebuah kuasa ekonomi terbesar di Asia Timur dengan teknologi, penyelidikan dan penemuan yang dijana sendiri serta mampu memberi manfaat kepada manusia.

Tambah beliau, orang Cina yang kini tinggal dan bekerja di negara-negara Barat atau di seluruh dunia akan kembali ke negara itu untuk memajukan lagi China.

Dr. Mahathir yang menjangkakan pendapatan perkapita penduduk China sebanyak AS\$20,000 (RM75,000) setahun membantu negara itu akan menjadi sebuah negara yang amat kaya dan akan memberi manfaat besar kepada Malaysia.

“Kuasa beli penduduk China yang besar ini akan menjadi pasa-

ran yang besar bagi produk Malaysia seperti minyak kelapa sawit,” katanya.

Beliau bagaimanapun mengakui walaupun negara itu akan memberi saingan kepada industri elektronik Malaysia tetapi China akan mengimport lebih banyak minyak sawit dari negara ini.

Ujar Dr. Mahathir, China tidak akan memberi ancaman kepada negara-negara Asia Timur lain kerana negara itu tidak mempunyai sifat untuk menakluki.

“China telah berdagang dengan negara-negara Asia Timur beratus-ratus tahun dan tidak pernah menakluki negara tersebut walaupun mempunyai keupayaan.

“Ini berlainan dengan negara-negara Eropah yang mempunyai sifat menakluki apabila menjajah kebanyakan negara di Asia Timur,” katanya.

Tegasnya, negara-negara Asia Timur tidak perlu risau dengan sogokan negara lain bahawa China akan memberi ancaman kepada rantau ini kerana ia tidak pernah melakukan perkara tersebut.